

04/09/2001

CDRC guna kepakaran luar bantu selesai hutang korporat

Kadir Dikoh; Saidon Idris

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) sedang membawa masuk pakar dalam bidang berkaitan bagi membantu menyelesaikan hutang korporat bernilai RM28.5 bilion.

Perdana Menteri berkata, usaha yang dilakukan oleh CDRC untuk menyusun semula hutang sedang berjalan dan ia berusaha untuk menyelesaikan hutang syarikat besar terlebih dulu.

"Datuk Azman Yahya (Pengerusi CDRC), kini membawa masuk banyak pakar dalam bidang ini untuk membantunya. Kita sudah berjaya (menyelesaikan hutang korporat) agak banyak juga," katanya selepas merasmikan Sidang Kemuncak Pasaran Modal di Kuala Lumpur, semalam.

Baru-baru ini, Azman dipetik sebagai berkata bahawa CDRC menjangka inisiatif barunya mampu membantu menyelesaikan penyusunan semula hutang tertunggak yang kini bernilai kira-kira RM28.5 bilion menjelang Julai tahun depan.

Inisiatif baru itu ialah merubah rangka kerja dan pendekatan jawatankuasa berkenaan, meluaskan keanggotaan CDRC dengan meliputi wakil dari Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta) dan Persekutuan Syarikat Awam (FPLC) serta meningkatkan tahap penzahiran dan laporan setiap usaha penyusunan semula yang dilaksanakan.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan menegaskan negara tidak mempergunakan kadar faedah atau kadar pertukaran mata wang asing serta suntikan wang secara mendadak untuk mencapai pertumbuhan ekonomi.

"Kami mengkaji dan memperbetulkan setiap segmen ekonomi bagi mengekalkannya di laluan sebenar. Pendekatan ini mendatangkan hasil kerana asasnya kekal kukuh dan wujud pemulihan sepenuhnya," katanya.

Ditanya kemudian, beliau berkata di Malaysia, kerajaan melihat di setiap aspek ekonomi, bukan bergantung kepada hanya satu faktor untuk menggerakkan ekonomi.

"Saya berpendapat kadar faedah sekarang agak rendah, orang membuat pinjaman dan ia sudah agak tinggi bagi orang untuk menyimpang wang," katanya.

Dalam ucapan itu juga, beliau berkata tambatan RM3.80 berbanding dolar Amerika, kekal mapan dan konsisten dengan asas ekonomi negara walaupun ada tekanan daripada beberapa pihak supaya nilai ringgit diturunkan bagi menjadikan eksport Malaysia lebih bersaing dan meningkatkan pertumbuhan eksport.

Beliau berkata, akan terdapat kesan yang minimum terhadap sebarang penurunan nilai kerana eksport serantau menurun secara drastik.

Oleh itu katanya, adalah salah untuk menilai daya saing negara secara eksklusif dengan asas nilai mata wangnya berbanding mata wang yang bersaing.

"Dengan mengambil kira pelbagai sumbangan positif Malaysia, idea menurunkan nilai ringgit bagi menjadikan produk negara bersaing hanya mencerminkan satu pemikiran yang cetek," katanya.

Mengenai pasaran saham, beliau berkata ia adalah untuk pelabur yang serius dengan pandangan masa depan yang strategik dan niat yang ikhlas untuk membuat keuntungan bagi jangka panjang.

"Jangan bertaruh di pasaran saham semata-mata kerana khabar angin. Kawalan terpilih dan pertukaran Malaysia membuahkan hasil dan melindungi ekonominya daripada ancaman luar yang di luar kawalan terutama daripada

spekulator mata wang," katanya.

(END)